

NO. SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 29 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7160

SOALAN:

YB Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota polis yang ditugaskan di daerah Sarikei dan daerah Meradong pada masa sekarang. Adakah jumlah itu mencukupi untuk memastikan keselamatan di kawasan-kawasan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah anggota polis yang bertugas di Ibu Pejabat Daerah Sarikei adalah seramai 211 pegawai dan anggota. Manakala yang bertugas di Ibu Pejabat Daerah Maradong adalah seramai 73 pegawai dan anggota. Pada masa ini, PDRM berpendapat jumlah pegawai dan anggota yang ditempatkan di daerah-daerah ini adalah mencukupi.

Walau bagaimanapun Kerajaan secara dasarnya telah bersetuju meningkatkan bilangan pegawai dan anggota PDRM iaitu sebanyak 4,000 perjawatan setiap tahun sehingga mencukupi. Tujuan penambahan jawatan adalah bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman negara dapat dikekalkan demi kesejahteraan rakyat sama ada di bandar mahupun di luar bandar termasuk di Sabah dan Sarawak. Namun demikian keperluan penambahan anggota polis ini mengambil kira beberapa faktor seperti jumlah jenayah indeks, laporan trafik, jenayah narkotik, jumlah sekolah dan institusi pengajian tinggi, pembangunan setempat bagi tempoh 20 hingga 30 tahun, keluasan dan penduduk.